

TARIKH	12 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	Berita

## 99 bakal haji jalani pemeriksaan kesihatan

**Bukit Mertajam :** Seramai 99 bakal haji dari Seberang Prai Tengah (SPT) menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Bukit Mertajam (HBM), di sini, baru-baru ini.

### Pemeriksaan

Pemeriksaan kesihatan itu dianjurkan oleh Tabung Haji dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dalam usaha memastikan tahap kesihatan bakal haji

berada dalam keadaan baik sebelum mereka berangkat ke tanah suci.

Antara pemeriksaan kesihatan dilakukan ialah menimbang berat badan dan ketinggian, ujian tekanan darah tinggi, kencing manis dan jantung.

Pengarah HBM, Dr Teo Gim Sian, berkata pihaknya menghantar dua pegawai perubatan iaitu Dr S Sujatha dan Dr Mohd Haniff Husman serta lima juru-

rawat untuk menjayakan program itu.

Katanya, bakal haji yang menghidap penyakit kronik diwajibkan mendapat rawatan susulan dari Jabatan Pesakit Luar HBM sebelum disahkan layak menunaikan haji di Makkah.

"Kita perlu memeriksa secara teliti supaya bakal haji berada dalam keadaan sihat dan dapat melakukan ibadat haji dengan selamat," katanya.



Dr Mohd Haniff melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap bakal jemaah haji, Azira Saad (kiri), 36, di HBM, Bukit Mertajam.

[FOTO SHAHRIN OSMAN/ BH ]